



Good Food, Good Life

## NESTLÉ OMEGA WALK A MILLION MILES

### TERMA & SYARAT

#### Jadual bagi Syarat Penyertaan

<b>1. <u>Penganjur:</u></b>	Nestlé Products Sdn. Bhd. [197901000966] [“Penganjur”].
<b>2. <u>Promosi:</u></b>	NESTLÉ OMEGA PLUS WALK A MILLION MILES. [“Kempen”].
<b>3. <u>Tempoh Promosi:</u></b>	Kempen ini bermula jam 00:00:00 pada 01/09/2020 dan ditutup jam 23:59:59 pada 30/09/2020.
<b>4. <u>Kelayakan:</u></b>	a. Kempen ini dibuka kepada semua penduduk Malaysia berumur 18 tahun dan ke atas pada permulaan Tempoh Kempen, dengan dokumen pengenalan yang sah dan alamat kediaman di Malaysia.
<b>5. <u>Kaedah Penyertaan:</u></b>	<p>Berikut adalah langkah-langkah untuk menyertai Kempen ini:</p> <p>a. <u>Langkah 1</u> – Muat turun Aplikasi JomRun &amp; daftar: Peserta mesti terlebih dahulu memuat turun Aplikasi JomRun sama ada melalui nombor telefon bimbit atau alamat e-mel atau akaun media social contohnya: Google atau Facebook.</p> <p>b. <u>Langkah 2</u> – Cari Acara &amp; daftar untuk menyertai dalam “Public Registration”: Cari Kempen “Walk A Million Miles” dan klik di “Sign Me Up”. Peserta mesti membaca maklumat Kempen, cara-cara yang dipaparkan dan lengkapkan data wajib yang diperlukan di bawah untuk mendaftar masuk:</p> <ol style="list-style-type: none"><li>Nama Penuh</li><li>No. Pengenalan</li><li>Tarikh Lahir</li><li>Jantina</li><li>Negeri</li><li>E-mel</li><li>No. Hubungan</li><li>Saiz Kemeja T</li></ol> <p>c. <u>Langkah 3</u> – RM6 Bayaran Penyertaan Kempen yang termasuk:</p> <ol style="list-style-type: none"><li>RM5 untuk penyertaan Kempen [“<b>Bayaran Penyertaan</b>”], dan</li><li>RM1 untuk bayaran pemprosesan gerbang pembayaran.</li><li>Semua pembayaran dibuat oleh Peserta akan dikumpulkan oleh JomRun.</li><li>Semua Bayaran Penyertaan yang diterima untuk penyertaan Kempen akan disumbangkan kepada rakan kerja NESTLÉ OMEGA PLUS iaitu, Yayasan Jantung Malaysia [YJM] dan Yayasan Institut Jantung Negara [IJNF].</li></ol> <p>d. <u>Langkah 4</u> – Perakuan untuk Syarat dan Peraturan JomRun dan Terma &amp; Syarat Kempen:</p>

	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Kedua-dua Syarat dan Peraturan JomRun dan Terma &amp; Syarat Kempen akan dipaparkan semasa pendaftaran.</li> <li>ii. Peserta mesti membaca, mengakui dan menerima dengan menandakan kotak yang berkaitan untuk layak dan didaftarkan sebagai Peserta.</li> </ul> <p>e. <u>Langkah 5</u> – Mula Rekodkan Kiraan Langkah:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Peserta kini boleh mula berjalan dengan menggunakan Aplikasi JomRun untuk merekod jumlah langkah mereka dan memenangi hadiah.</li> <li>ii. Peserta juga boleh memuat naik gambar prestasi mereka menggunakan aplikasi penjejak mereka sendiri di ikon muat naik Aplikasi JomRun.</li> <li>iii. Matlamat Penganjur adalah untuk mencapai sejumlah 1 Juta Batu dari semua peserta yang digabungkan sepanjang Tempoh Kempen.</li> <li>iv. Setelah mencapai matlamat 1 Juta Batu, Penganjur akan menyumbangkan sejumlah RM100,000 kepada rakan kerjasama NESTLÉ OMEGA PLUS, Yayasan Jantung Malaysia [YJM] dan Yayasan In Institute Jantung Negara [IJNF].</li> </ul>
<b>6. <u>Tarikh Tutup Penyertaan:</u></b>	Semua pendaftaran penyertaan mesti diterima oleh Penganjur pada atau sebelum jam 23:59:59 pada 30/09/2020. Semua Penyertaan yang diterima di luar Tempoh Kempen yang berkenaan akan dibatalkan secara automatik.
<b>7. <u>Hadiah Mingguan:</u></b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>a. Kempen ini terbahagi kepada empat [4] tempoh mingguan berikut: Minggu 1: 00:00:00, 01/09 – 23:59:59, 07/09/2020 Minggu 2: 00:00:00, 08/09 – 23:59:59, 14/09/2020 Minggu 3: 00:00:00, 15/09 – 23:59:59, 21/09/2020 Minggu 4: 00:00:00, 22/09 – 23:59:59, 30/09/2020</li> <li>b. Setiap minggu sepanjang Tempoh Kempen, JOMRUN akan mengumpulkan setiap langkah peserta yang telah dicapai. Langkah-langkah akan dikira sebagai 1 Batu = 1.6 KM = 2,400 langkah.</li> <li>c. Tiga [3] peserta teratas dengan jumlah langkah tertinggi setiap minggu akan memenangi satu [1] FITBIT CHARGE 4. Terdapat sejumlah dua belas [12] Hadiah Mingguan yang akan dimenangi sepanjang Tempoh Kempen.</li> </ul>
<b>8. <u>Hadiah Utama:</u></b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>a. Pada akhir Tempoh Kempen, JOMRUN akan susun kira kesemua langkah peserta yang dicapai sepanjang Tempoh Kempen. Langkah-langkah akan dikira sebagai 1 Batu = 1.6 KM = 2,400 langkah.</li> <li>b. Peserta yang mencapai antara 150,000 hingga 299,999 langkah akan memenangi satu [1] Jersi Penamat.</li> <li>c. Peserta yang mencapai 300,000 langkah ke atas akan memenangi satu [1] Jersi Penamat, satu [1] Pingat pemenang dan satu [1] Hamper NESTLÉ OMEGA PLUS.</li> </ul>
<b>9. <u>Terma Tambahan:</u></b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>a. Semua Peserta mesti mematuhi terma dan syarat pihak yang mengatur dan/atau menyediakan Hadiah dan terma dan syarat yang disertakan pada Hadiah, jika ada.</li> <li>b. Setiap Peserta hanya boleh di sepanjang Tempoh Kempen, memenangi: <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Satu [1] Hadiah Mingguan setiap minggu, dan</li> <li>ii. Satu [1] Hadiah Utama.</li> </ul> </li> </ul>

	<ul style="list-style-type: none"><li>c. Pengumuman pemenang akan dibuat di halaman <i>Dear Nestlé Event</i>. Semua hadiah akan dihantar kepada pemenang pada 31/10/2020 ke alamat yang diberikan oleh pemenang. Penganjur berhak untuk melanjutkan jangka masa yang dinyatakan di bawah klausa ini disebabkan alasan di luar kawalan Penganjur.</li><li>d. Semua hadiah yang tidak dituntut selepas tarikh akhir yang ditetapkan oleh Penganjur akan dibatalkan.</li><li>e. Pihak Penganjur mengekalkan hak untuk menggantikan sebarang hadiah dengan hadiah lain yang sama nilainya sekiranya hadiah asal yang ditawarkan tidak tersedia tanpa sebarang notis terlebih dahulu. Semua Hadiah disediakan berdasarkan "sedia ada" dan tidak boleh ditukarkan dengan kredit, barangan lain atau baucar sama ada sebahagian atau sepenuhnya.</li></ul>
--	---

Jadual bagi Syarat Penyertaan ini mesti dibaca bersama dengan Syarat Penyertaan dan Notis Privasi yang boleh didapati di [http:// www.dearnestle.com.my](http://www.dearnestle.com.my) secara kolektif dinamakan **“Terma dan Syarat”**, yang akan mengikat semua peserta yang menyertai Promosi ini (selepas ini dirujuk sebagai “Peserta”, “Anda”).

---